

31 OCT 2003

Abdullah-Sumpah (Bergambar)

ABDULLAH AHMAD BADAWI ANGKAT SUMPAH PERDANA MENTERI KELIMA

KUALA LUMPUR, 31 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini mengangkat sumpah jawatan sebagai Perdana Menteri Malaysia yang kelima menggantikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang berundur setelah menerajui negara selama 22 tahun.

Abdullah, 64, mengangkat sumpah jawatan di hadapan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail di Istana Negara.

Abdullah yang kelihatan segar berbaju Melayu berwarna hitam bersama isteri Datin Seri Endon Mahmood tiba di Istana Negara pada pukul 2.40 petang diikuti ketibaan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali pada pukul 2.45 petang.

Turut hadir orang kenamaan lain termasuk anggota Kabinet, Menteri Besar dan Yang Dipertua Dewan Negara serta Speaker Dewan Rakyat.

Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid berangkat memasuki Balairong Seri pada pukul 3 petang.

Pada 3.05 petang, Istiadat Pengurniaan Suratcara Pelantikan dan Istiadat Mengangkat Sumpah Jawatan dan Taat Setia serta Sumpah Menyimpan Rahsia oleh Abdullah sebagai Perdana Menteri dimulakan.

Upacara dimulakan dengan lagu NegaraKu oleh pancaragam Angkatan Tentera Malaysia.

Abdullah kemudian membaca ikrar mengangkat sumpah taat setia serta menyimpan rahsia sebelum menandatangani keempat-empat Suratcara Pelantikan.

Majlis itu disusuli dengan bacaan doa selamat. Keempat-empat Suratcara Pelantikan itu kemudiannya ditandatangani oleh Ketua Hakim Negara Tan Sri Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim sebagai saksi yang kemudiannya diserahkan kepada Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsudin Osman.

Abdullah dilahirkan di Kepala Batas, Pulau Pinang, pada 26 Nov 1939, merupakan anak sulung kepada pasangan guru agama dan ahli politik Ahmad Badawi dan Kailan Hassan.

Beliau memulakan kerjayanya dalam perkhidmatan awam pada pertengahan tahun 1964 apabila dilantik sebagai Penolong Setiausaha di Jabatan Perkhidmatan Awam.

Abdullah telah berkahwin dengan Endon pada 4 Sept 1965 dan mereka dikurniakan dua orang anak, Kamaluddin dan Nori, serta empat orang cucu.

Pada pilihan raya 1978, beliau memenangi kerusi Parlimen kawasan Kepala Batas, kawasan yang diwakilinya sehingga sekarang.

Pada 1984, beliau dilantik menjadi Menteri Pelajaran sebelum memegang jawatan Menteri Pertahanan dari 1986 hingga 1987. Abdullah menyandang jawatan Menteri Luar dari 1991 hingga 1999 sebelum dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri pada 8 Jan 1999.

Perdana Menteri Malaysia sebelum ini terdiri:

+ Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj, dilantik 31 Ogos 1957

+ Tun Abdul Razak, dilantik 22 Sept 1970

+ Tun Hussein Onn, dilantik 15 Jan 1976

+ Tun Dr Mahathir Mohamad, dilantik 16 Julai 1981.

-- BERNAMA

MUN SSA MFJ MAI MOZ